

TARIKH	14 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	20	RUANGAN	Supplement

Urusan keberangkatan

Sejak awal tahun lagi TH giat melaksanakan 20 aktiviti haji termasuklah aktiviti-aktiviti urusan haji di tanah air

Oleh AHMAD RUZMAN AHMAD RAZALI

TABUNG Haji (TH) adalah satu-satunya badan yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan keberangkatan jemaah haji Malaysia ke tanah suci bagi menunaikan fardu haji. Setiap tahun pengurusan haji sentiasa diatur bagi membolehkan hasrat para bakal haji melaksanakan rukun Islam yang kelima berjalan dengan selamat, sempurna serta kos efektif.

Haji dikatakan ibadat kemuncak kerana ia melibatkan persediaan di sudut rohani dan fizikal. Oleh itu, sejak awal tahun lagi TH giat melaksanakan 20 aktiviti haji termasuklah aktiviti-aktiviti urusan haji di tanah air.

Umumnya, terdapat lapan aktiviti haji di tanah air. Pusingan aktiviti haji dimulai dengan proses pendaftaran. Bagi jemaah yang telah mendaftar dan telah sampai tahun pemilihan mereka ke tanah suci maka mereka akan diberikan tawaran untuk menunaikan haji.

Proses yang kedua ialah pemilihan bakal haji. Bagi bakal haji yang telah terpilih mereka akan dipanggil untuk menyertai kursus haji. Kursus haji yang dianjurkan TH terdiri daripada Kursus Asas Haji, Kursus Intensif Haji dan Kursus Perdana Haji. Modul-modul yang disediakan dalam kursus-kursus ini mengandungi pelbagai maklumat ibadat haji, sama ada secara teori atau praktikal.

Proses seterusnya setelah mengikuti kursus, bakal haji akan menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik-klinik kesihatan. Bagi mereka yang baru terpilih bolehlah melakukan pemeriksaan kesihatan di klinik panel terpilih dan mendapatkan suntikan *Meningitis Meningococcal ACYW-135*. Mereka juga boleh mendapatkan suntikan tambahan influenza dan phenomeccol.

Proses kelima ialah proses pengurusan pasport. Bakal haji akan membuat pasport di pejabat imigresen yang berhampiran. Kos penyediaan pasport ditanggung oleh bakal haji.

Setelah PMA diperoleh, bakal haji hendaklah terus menghantar PMA ke pejabat cawangan TH (tempat pendaftaran masing-masing). Bagi mereka yang sudah terlebih dahulu mempunyai PMA, sebelum menghantar PMA ke pejabat cawangan TH mereka hendaklah memastikan perkara berikut:

- Tempoh sah laku PMA hendaklah tidak kurang dari enam bulan dari tarikh perjalanan
- Terdapat empat muka surat kosong secara berturutan sebelah-menyebelah
- Tiada larangan meninggalkan Malaysia

Setelah bakal haji mempunyai pasport, pasport ini dikumpulkan dan kemudiannya divisakan di kedutaan Arab Saudi.

Bagi bakal haji yang terpilih mereka akan diberikan Surat Jadual Penerbangan (SJP).

Setelah itu bakal haji akan melapor diri ke stesen berlepas yang dikehendaki sebagaimana tertulis di dalam SJP. Inilah pusingan aktiviti haji tanah air yang perlu dilakukan oleh bakal haji.

Sebagai persediaan dari rumah, TH

menyarankan bakal haji supaya menulis maklumat diri pada semua beg yang mereka bawa seperti nama dan alamat lengkap, nombor telefon, penerbangan dan pasport. Mereka juga perlu menyediakan wang perbelanjaan secukupnya dengan menukar sedikit wang Saudi Riyal (SR) di mana-mana bank atau pengurup wang (dalam anggaran SR300).

Bagi bakal haji yang menghidap penyakit tertentu dan perlu ubat atau peralatan khas hendaklah membawanya sendiri dalam beg sandang serta surat doktor dan baki ubat diletak dalam begasi besar.

Sementara itu, SJP akan dikeluarkan secara berperingkat-peringkat. Bakal haji yang hendak mengetahui status mereka bolehlah berhubung dengan pejabat TH yang berhampiran atau Pusat Panggilan TH 03-62071919.

Sebelum berangkat bakal haji harus:

- Memastikan tarikh dan waktu mereka melaporkan diri di Lapangan Terbang atau di Kompleks TH apabila mendapat SJP.
- Membawa bersama SJP (tinggalkan keratan sebelah bawah SJP tersebut kepada waris di Malaysia)
- Membawa Buku Rekod Rawatan.
- Sentiasa memakaiencana nama jemaah haji dan Gelang Pengenalan Haji (GPH) ketika melaporkan diri dan sepanjang berada di tanah suci.

Terdapat beberapa peraturan yang perlu dipatuhi oleh jemaah haji. Antaranya:

- Jemaah haji tidak dibenarkan membawa alatan tajam di dalam beg kecil (*hand luggage*) seperti pisau, gunting dan sebagainya.
- Barangan larangan ke tanah suci yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Arab Saudi seperti risalah politik yang mempunyai propaganda tertentu.
- Jemaah haji juga tidak dibenarkan membawa barang dagangan untuk tujuan perniagaan.
- Jemaah haji tidak dibenarkan membawa mata wang tunai di mana
- Jumlahnya tidak melebihi USD10,000.
- Berhubung dengan penggunaan barang-barang cecair seperti aerosol atau gel, yang tidak

TARIKH	14 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	20	RUANGAN	Supplement

melebihi 100ml hendaklah dibungkus dalam plastik khas.

Sebagai maklumat tambahan, sebelum bakal haji berlepas, mereka hendaklah membuat semakan senarai syak (halangan meninggalkan Malaysia). Semakan tersebut boleh dibuat di mana-mana Pejabat Imigresen. Semakan juga boleh dilakukan dengan melayari <http://www.imi.gov.my>. Klik pada Sistem Semakan Status Perjalanan. Kemudian, masukkan nombor kad pengenalan di Sistem Aplikasi Elektronik (JIM) dan tekan butang semak. Keputusan semakan akan diterima secara automatik.

● AHMAD RUZMAN AHMAD RAZALI ialah Pengurus Besar (Operasi Domestik) TH

